

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang wujud semacam ada kecenderungan di kalangan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang sepanjang khidmat mereka mempunyai capaian kepada rahsia negara/Kerajaan sering dikatakan akan menyertai parti pembangkang dan menentang Kerajaan bila kehendak dan pandangan mereka tidak mendapat layanan seperti yang mereka kehendaki. Ada yang memilih bersara awal. Lebih teruk lagi kalau mereka tidak sambung kontrak mereka. Apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang sedemikian.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa telah menetapkan supaya semua pegawai-pegawai awam hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berkaitan dengan pengurusan rahsia rasmi Kerajaan dan termasuklah dalam konteks supaya segala maklumat rahsia rasmi Kerajaan tersebut tidak dibocorkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak yang tidak berkenaan. Ini kerana, maklumat rahsia rasmi Kerajaan dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

Sekiranya mana-mana pegawai awam termasuklah pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang didapati telah membocorkan atau menyampaikan apa jua maklumat rahsia rasmi Kerajaan yang masih lagi berguna atau memberi implikasi buruk kepada pihak Kerajaan, maka tindakan pendakwaan boleh dijalankan sekiranya laporan polis dibuat ke atas pegawai awam tersebut. Dalam hal ini pendakwaan boleh dilaksanakan terhadap mana-mana kesalahan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8 (1) (i), (ii), (iii) dan (iv) dan sekiranya disabitkan kesalahan maka boleh dikenakan hukuman pemenjaraan tidak kurang dari 1 tetapi tidak melebihi 7 tahun.

Sekian, terima kasih.